

01 OCT 2003

DR MAHATHIR TERIMA PENGHORMATAN TERTINGGI RED ARROWS

LANGKAWI, 1 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menerima penghormatan tertinggi daripada pasukan aerobatik Red Arrows apabila dihadiahkan pakaian seragam dan topi keledar anggota pasukan itu pada pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi 2003 (LIMA `03) yang bermula di sini semalam.

Perdana Menteri menerima G-suit, iatu pakaian seragam yang digunakan oleh juruterbang pasukan tersebut semasa membuat penerbangan, serta topi berkenaan daripada ketua skuadron, Spike Jepsen semasa mengunjungi gerai pasukan pertunjukan udara yang terkenal di seluruh dunia itu di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri.

Terdahulu, Dr Mahathir mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet di Rumah Kabinet, di Gunung Raya, di sini.

Perdana Menteri turut menyaksikan upacara penyerahan peralatan pendaratan pesawat Airbus A380 oleh Composite Technology Research Malaysia (CTRM) Sdn Bhd kepada Airbus di pusat pameran yang sama, tempat berlangsungnya pameran aeroangkasa bagi LIMA `03.

Dr Mahathir kemudian menaiki pesawat empat tempat duduk, Lancair Columbia 300, yang dipandu oleh Major Wan Izani, salah seorang juruterbang penguji CTRM.

Pesawat tersebut dibuat oleh CTRM.

-- BERNAMA

SR SP MOZ